

KRISTIANISASI DAN METODE DAKWAH RAHMATULLAH AL-KAIRANAWI (Christianization and Dakwah Method of Rahmatullah Al-Kairanawi)

^{1,2} WAN HASLAN KHAIRUDDIN*

² INDRIATY ISMAIL

¹Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

²Jabatan Usuluddin, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

ABSTRAK

Artikel ini membicarakan metodologi dakwah Rahmatullah al-Kairanawi (1818-1891) dalam menghadapi cabaran gerakan Kristianisasi di India. Isu-isu perbincangan ialah sejarah Kristianisasi di India; biografi Rahmatullah al-Kairanawi; dan metodologi dakwah Rahmatullah al-Kairanawi. Metodologi kajian perbincangan artikel ini adalah berdasarkan kajian sejarah dan kajian analisis kandungan. Sumber primer yang menjadikan asas dalam kajian ini ialah tulisan dan ulasan para pengkaji terhadap Rahmatullah al-Kairanawi dan karya agung beliau iaitu Kitab Izhar al-Haq. Artikel ini merumuskan beberapa sumbangan dakwah Rahmatullah al-Kairanawi dari sudut idea, pemikiran dan karya tulis. Seterusnya, metodologi dakwah tokoh secara umum adalah manifestasi dakwah seruan al-Qur'an iaitu al-dakwah bi al-hikmah; al-mau'idhoh al-hasanah; dan al-mujadalah bi allati hiya ahsan.

Kata kunci: Dakwah, metode dakwah, Kristianisasi, Kristianisasi di India.

ABSTRACT

This article discusses the dakwah methodology of Rahmatullah al-Kairanawi (1818-1891) in facing the challenges of Christianization movement in India. The discussion issues are the Christianization history of India; biography of Rahmatullah al-Kairanawi; and Rahmatullah al-Kairanawi's methodology of Dawah. The methodology of research that has been applied in this article is historical method and content analysis method. The primary sources in this study are the writing and the reviews of Rahmatullah al-Kairanawi and his masterpiece Kitab Izhar al-Haq by other researchers. This article concludes that some of the Rahmatullah al-Kairanawi's dakwah contributions in terms of ideas, thoughts and books. Next, the dakwah methodology of Rahmatullah al-Kairanawi is generally a manifestation of the Qur'anic

*Corresponding author: Wan Haslan khairuddin, Jabatan Usuluddin, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia, e-Mail: wanhaslan@kuis.edu.my
Diserahkan: 22 Mei 2013
Diterima: 17 Julai 2013
DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2013-0502-05>

exclamation of al-dakwah bi al-hikmah; al-mau^cidhoh al-hasanah; and al-mujadalah bi allati hiya ahsan.

Keywords: Dakwah, methodology of dakwah, Christianization, the Christianization in India.

PENDAHULUAN

Musuh-musuh Islam, Yahudi dan Kristian tidak akan berdiam diri membiarkan agama Islam terus diterima dan mendapat tempat di sisi masyarakat (*al-Baqarah* 2: 120). Pelbagai usaha dirancang untuk menyekat penyebaran Islam di seluruh dunia. Namun, golongan pejuang, perajurit dan pembela agama Allah SWT akan terus wujud pada setiap masa menyebar dan mempertahankan Islam. Fakta tersebut berdasarkan sabda Rasulullah SAW sebagaimana riwayat Muslim daripada Thauban RA bermaksud:

“Akan sentiasa wujud satu golongan dari umatku mereka yang menegakkan dan mempertahankan kebenaran. Mereka tidak akan tergugat oleh sesiapa pun yang menentang mereka sehinggalah tibanya hari kiamat dan mereka tetap di dalam keadaan demikian” (Muslim 2005: 857).

Sejarah permusuhan Yahudi terhadap Islam telah bermula sejak zaman Rasulullah SAW dan zaman awal penyebaran Islam. Setelah gagal menyekat perkembangan Islam secara zahir dengan sikap kedengkian dan permusuhan. Mereka cuba merosakkan Islam dari dalam dengan masuknya para munafik ke dalam Islam. Tujuannya, supaya mereka selamat dari dibunuh dan supaya dapat mencari rahsia kaum Muslimin dan merosakkannya dari dalam. Kemudian, setelah memeluk Islam mereka keluar dengan tujuan menimbulkan fitnah dan menggoyangkan kepercayaan orang-orang beriman. Sehingga kini, pelbagai perancangan disusun dan dilaksanakan bertujuan meruntuhkan agama Islam (Al-Midani 2002b).

Tidak dinafikan bahawa wujud dalam lipatan sejarah hubungan baik, mesra dan kasih sayang antara Muslim-Kristian dan Yahudi. Namun, al-Quran telah mengingatkan kita keinginan dan sikap negatif mereka terhadap Islam sebagaimana yang terakam di dalam surah *al-Baqarah* 2: 135 yang bermaksud: “*Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepadamu (wahai Muhammad) sehingga engkau menurut agama mereka (yang telah terpesong itu).*”

Permusuhan Kristian terhadap Islam pula bukanlah suatu yang baru dan bermula dengan peristiwa 11 September 2001 atau sebagainya. Akan tetapi ia telah bermula lebih awal. Kemuncaknya, Peperangan Salib pada kurun ke-11 di mana syiarnya ialah "Penghapusan Terhadap Islam" dan pembebasan Palestin daripada pemerintahan Islam. Kekecewaan demi kekecewaan timbul akhirnya peperangan dan serangan persenjataan dihentikan dan digantikan dengan serangan pemikiran. Maka wujudlah Gerakan Kristianisasi yang tujuan utamanya bukanlah semata-mata mengeluarkan Muslim dari Islam dan membawa mereka masuk ke dalam agama Kristian. Akan tetapi menyelewengkan fahaman umat Islam, mengkafirkan dan membinasakan anutan mereka (Hassan t.thn, Chateler 1398H).

Walaupun Islam dihimpit dengan pelbagai strategi perancangan gerakan Zionisme, Imperialisme, Sekularisme, Liberalisme, Pluralisme, Kristianisasi dan sebagainya untuk

meruntuhkan Islam. Walaupun Islam menghadapi serangan demi serangan. Namun, usaha untuk memadamkan cahaya Islam tetap gagal kerana Allah SWT akan tetap menyempurnakan cahaya Islam walaupun orang-orang kafir membencinya (*al-Taubah* 9:32). Tokoh-tokoh seumpama Salahuddin al-Ayyubi, Ibn Hazm al-Zahiri (m. 456H) serta karyanya *al-Fisal fi al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Nihal* (1996), Rahmatullah al-Kairanawi serta karyanya *Izhar al-Haq* (2001) akan terus wujud setiap masa untuk mempertahankan dan membela agama Islam.

Justeru, dalam membicarakan tajuk artikel ini iaitu "*Kristianisasi dan Metodologi Dakwah Rahmatullah al-Kairanawi*", kajian cuba mengetengahkan maklumat ringkas sejarah Kristianisasi di India dan latar belakang Rahmatullah al-Kairanawi. Seterusnya cuba memaparkan pendekatan atau metodologi dakwah Rahmatullah al-Kairanawi dalam berhadapan dengan cabaran Kristianisasi di India.

GERAKAN KRISTIANISASI DI INDIA

Menurut catatan A. Le Chateler (1398H), pengutusan pertama mubaligh Kristian ke negara-negara Islam adalah dari aliran Gereja Protestan dan bukan dari aliran Gereja Roman Katolik. Namun, tiada bezanya di antara utusan Gereja Protestan atau Gereja Roman Katolik kerana keduanya boleh bersatu untuk memerangi Islam. Manakala orang pertama yang mengetuai gerakan Kristianisasi ialah Raymond Lull atau Ramon Llull (ca. 1232-1315), (kelahiran Spain) selepas mana siri-siri Peperangan Salib mengalami kekecewaan dan kekalahan. Beliau telah mempelajari Bahasa Arab dengan segala kepayahan kemudian muncul di negara-negara Islam dan berdialog dengan ulama-ulama Islam.

Tersebarnya utusan para mubaligh Kristian sama ada dari Scotland, Belanda, Norway dan sebagainya di India adalah selepas bermulanya pengutusan *The Missionary Society of London* ke sana. Di peringkat permulaan mereka tidak menentukan siapakah sasaran utama misi Kristianisasi ini ditujukan. Sama ada menyebarkan agama Kristian kepada penganut agama Hindu atau Muslim. Akhirnya mereka menumpukan perhatian kepada anak-anak dan insan-insan yang ditimpa kesusahan dan kefakiran dengan menghulurkan bantuan serta melakukan usaha-usaha kebajikan. Menurut catatan A. Le Chateler, Persidangan Kristianisasi di Chicago akhirnya memutuskan agar misi Kristianisasi disebar secara umum meliputi segenap lapisan masyarakat, agama dan bangsa (Chateler 1398H).

Menurut al-Kairanawi (2001: 5), ketika era penjajahan British ke atas India iaitu sekitar tahun 1757 sehingga tahun 1800 Masihi, dalam tempoh 43 tahun ini belum nampak secara jelas misi Kristianisasi yang dibawa bersama mereka. Namun, setelah itu, secara perlahan dan berperingkat, para *missionary* Kristian mula memainkan peranan dengan munculnya propaganda melalui tulisan, kitab, syarahan atau kuliah yang disebar dan disampaikan di pasar-pasar, tempat-tempat perhimpunan awam dan jalan-jalan utama. Menurut Muhammad Abd. Al-Qadir Malkawi (al-Kairanawi 2001), Karl Gottlieb Pfander (1803-1865) merupakan paderi Kristian paling berpengaruh yang masuk ke India dan dianggap paling bahaya selepas Jerome Xavier (1549-1617) dan Henry Martyn (1781-1812).

Karl Gottlieb Pfander aktif melaksanakan dakwah Kristian dan memburukkan ajaran Islam dengan syarahan, penulisan dan dialog serta debat beliau. Perkara ini mengkhawatirkan dan menggusarkan ulama serta cendekiawan Muslim dan menyebabkan mereka bangkit mempertahankan Islam sama ada dengan usaha penerangan, penulisan, dialog dan debat. Antara tokoh terkenal yang bangkit mempertahankan Islam ketika itu sehingga ke tahap

mencabar Karl Gottlieb Pfander berdebat secara terang-terangan ialah Rahmatullah al-Kairanawi.

BIOGRAFI RAHMATULLAH AL-KAIRANAWI

Nama sebenar beliau ialah Muhammad Rahmatullah bin Khalil (dikenali dengan Khalil al-Rahman) al-Kairanawi al-Uthmani bin al-Hakim Najibullah bin al-Hakim Habibullah bin al-Hakim Abd. al-Rahim bin al-Hakim Qutb al-Din bin al-Syeikh Fadhil bin al-Hakim Diwan Khan Abd. al-Rahman bin al-Hakim Abd. al-Karim bin al-Hakim Hassan bin Abd. al-Samad bin Abi Ali bin Muhammad Yusuf bin Abd. al-Kadir bin al-Syeikh Jalal al-Din bin Mahmud bin Ya'qub bin Isa bin Ismail bin Muhammad Taqiy bin Abi Bakr bin Ali Naqiy bin Uthman bin Abdullah bin Shihab al-Din bin Abd. al-Rahman al-Jazruni bin Abd. al-Aziz al-Sarakhshi bin Khalid bin al-Walid bin Abd. al-Aziz bin Abd. al-Rahman al-Kabir al-Madani bin Abdullah al-Thani bin Abd. al-Aziz al-Kabir bin Abdullah al-Kabir bin Umar bin Dhi al-Nurain Amir al-Mukminin Uthman bin Affan radiallahuanhu (Malkawi 1405H).

Berdasarkan kepada salasilah di atas, Rahmatullah al-Kairanawi adalah lapis ke-35 keturunan sahabat mulia dan khalifah Islam ketiga iaitu Sayidina Uthman bin Affan radiallahuanhu. Moyanganda beliau, Syeikh Abd. al-Rahman bin Abd. al-Aziz al-Sarakhshi adalah insan pertama menjejaki India dan menetap di Panipat ketika pemerintahan Sultan Mahmud al-Ghaznawi. Keluarga ini terus berkembang di India dan terkenal dengan kemuliaan, keilmuan, perubatan serta kedudukan yang tinggi di sisi para pemerintah Islam. Kebanyakan dari keluarga ini digelar dengan "*al-Hakim*" iaitu gelaran yang khusus kepada para tabib pemerintah ketika itu (Malkawi 1405H).

Rahmatullah al-Kairanawi dilahirkan pada awal bulan Jamadilawal tahun 1233 Hijriah iaitu bertepatan 9 Mac tahun 1818 Masihi di Dariba Kalan, perkampungan Kairana, daerah Muzaffarnagar, Delhi, India. Beliau berkahwin dengan anak perempuan ibu saudaranya (sepupu) pada tahun 1256 Hijriah tetapi tidak dikurniakan anak lelaki. Disebabkan kekacauan politik, beliau berhijrah ke Makkah pada tahun 1278 Hijriah atau 1862 Masihi. Pada tahun 1285 Hijriah beliau telah mengasaskan *al-Madrasah al-Saulatiyyah* dan mengajar di sana sehingga akhir usianya. Beliau meninggal dunia pada usia 75 tahun pada 22 Ramadhan tahun 1308 Hijriah bersamaan 1 Mei tahun 1891 Masihi dan dikebumikan di Maala atau *al-Ma'lat*, Makkah (Malkawi 1405H).

Rahmatullah al-Kairanawi mendapat pendidikan awal di Kairana sehinggalah beliau berumur 12 tahun. Kemudian menyambung pengajiannya di Madrasah Maulana Muhammad Hayat, Delhi. Setelah itu beliau belajar seketika di Lucknow. Al-Kairanawi pernah berkhidmat kepada Maharaja Hindu Rao, namun setelah kematian isteri dan anaknya, beliau kembali ke Kairana dan mengasaskan madrasah kepunyaan beliau (Powell 1976).

METODOLOGI DAKWAH RAHMATULLAH AL-KAIRANAWI

Metodologi dakwah sebagaimana panduan al-Qur'an, *al-Nahl* 16:125 bermaksud:

Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Menurut Dr. Khalifah Husain al-Assal (t.th), para ulama berselisih pendapat dalam merumuskan metodologi dakwah berdasarkan ayat di atas. Sebahagian mereka merumuskan hanya terdapat satu metode. Sebahagian yang lain menyatakan terdapat tiga metode yang boleh diguna pakai sama ada satu, dua atau ketiga-tiganya dalam sesebuah masyarakat berdasarkan keperluan dan keadaan. Al-Ghazali di antara para ulama yang menyokong pendapat yang kedua (Al-Ghazali 1991). Tiga metode dakwah berdasarkan ayat di atas ialah [1] *al-da'wah bi al-hikmah*; [2] *al-mau'izah al-hasanah*; dan [3] *al-mujadalah bi allati hiya ahsan* (Al-Assal t.th). Ketiga-tiga metode dakwah ini akan ditumpukan dalam meninjau metodologi dakwah Rahmatullah al-Kairanawi dalam mendepani cabaran gerakan Kristianisasi di India.

Al-Da'wah bi al-Hikmah

Al-da'wah bi al-hikmah bermaksud dakwah dengan hikmat kebijaksanaan. Iaitu penggunaan metode atau kaedah dakwah yang sesuai dengan sasaran, tempat, masa dan keadaan bagi mencapai tujuan dan menjayakan usaha dakwah (Al-Assal t.th).

Pengamatan dalam melihat penggunaan metode *al-da'wah bi al-hikmah* oleh Rahmatullah al-Kairanawi adalah melalui surat-surat yang diutuskan beliau kepada Karl Gottlieb Pfander sebelum berlakunya perdebatan bersejarah di antara mereka. Pengutusan surat berlaku sebanyak 9 kali di antara mereka bagi membincangkan tajuk-tajuk, syarat-syarat, hari, masa dan tempat perdebatan yang bakal berlansung. Berdasarkan penelitian surat-surat yang diutuskan, penentuan lebih banyak dibuat dan diputuskan oleh Pfander. Sebagai contoh, penentuan dua tajuk utama yang akan dibincangkan iaitu *naskh* atau pemansuhan dan *tahrif* atau penyelewengan adalah penentuan Pfander. Begitu juga penentuan masa, hari dan tempat (Al-Hindi 1996).

Kaedah fikah menyatakan: "*Sesuatu yang tidak dapat diperoleh kesemuanya maka jangan tinggalkan kesemuanya*". Justeru, sesuatu yang dikira berhikmah apabila al-Kairanawi tidak begitu berkeras dalam penentuan syarat-syarat perdebatan di antara beliau dan Pfander. Sekiranya beliau berkeras, kemungkinan perdebatan bersejarah di antara mereka tidak akan berlaku. Inilah situasi yang pernah berlaku terhadap Rasulullah s.a.w. ketika perjanjian *al-Hidaibiyah* (tahun ke-6 Hijriah) iaitu perjanjian di antara umat Islam dan musyrikin Makkah. Ketika itu, Rasulullah s.a.w. telah menerima syarat-syarat musyrikin Makkah walaupun ia dilihat tidak menyebelahi umat Islam. Namun, hikmah di sebalik perjanjian tersebut akhirnya dilihat dengan pembukaan kota Makkah.

Al-Mau'izah al-Hasanah

Al-mau'izah al-hasanah bermaksud nasihat pengajaran atau peringatan yang baik. Iaitu penggunaan nasihat, dorongan, petunjuk, pengajaran yang bermanfaat dan menyedarkan sebagai metode atau kaedah dakwah (Al-Assal t.thn).

Penggunaan metode *al-mau'izah al-hasanah* oleh al-Kairanawi boleh dilihat dalam usaha beliau menjelaskan segala tohmahan, kekeliruan dan persoalan yang ditimbulkan para missionari Kristian terutamanya Pfander melalui penulisannya. Selain propaganda yang dibuat Pfander melalui syarahan atau kuliah yang disampaikan di tempat-tempat perhimpunan awam. Pfander turut menulis sebuah kitab bertajuk *Mizan al-Haq*. Buku ini menarik perhatian para ulama Islam untuk memberikan jawapan terhadapnya seperti jawapan kitab *al-Istibshar* karangan Ali Hassan al-Hindi dan tidak terkecuali al-Kairanawi.

Menurut Muhammad Abd. Al-Qadir Malkawi (1405H; Al-Kairanawi 2001), Rahmatullah al-Kairanawi telah mengarang sembilan buah kitab yang ditulis khusus untuk menolak propaganda Kristianisasi dan mempertahankan Islam. Kitab pertama ialah *Izalah al-Auham*. Ini adalah karya pertama al-Kairanawi dalam mengkritik dan menangkis hujah-hujah para missionari Kristian. Kitab setebal 564 helai halaman ini ditulis dalam Bahasa Parsi. Dicitak oleh al-Ustadh Qawam al-Din dan diterbitkan oleh percetakan *Sayyid al-Matabi^c*, Delhi pada tahun 1269 Hijriah. Kitab ini diterjemahkan oleh al-Syeikh Nur Muhammad ke dalam Bahasa Urdu dan dinamakan dengan *Dafi^c al-Asqam*.

Kedua, *Izalah al-Shukuk*. Kitab ini ditulis dalam Bahasa Urdu sebagai jawapan kepada 29 persoalan para missionari Kristian yang ditujukan kepada ulama Islam. Persoalan ini diperolehi dari seorang yang telah murtad di Karachi. Atas permintaan Mirza Fakhr al-Din Bahadar, al-Kairanawi menjawab segala persoalan tersebut di dalam dua jilid kitab setebal 1116 halaman. Kitab yang diterbitkan pada tahun 1268H/1852M ini mengandungi hujah kukuh dalam mensabitkan kenabian Nabi Muhammad SAW dan mensabitkan penyelewengan Bible. Kitab ini telah diterbitkan semula pada Syaaban 1288 Hijriah oleh al-Syeikh Abd. Al-Wahhab.

Ketiga, *Al-F^cjaz al-Aisawiy*. Nama lain bagi kitab ini ialah *al-F^cjaz al-Masihi* dan *Musaqqilah al-Tahrif*. Kitab ini ditulis dalam Bahasa Urdu di Agra atau *Akbar Abad* pada tahun 1270 Hijriah dan diterbitkan pada tahun 1271H/1854M. Ianya mengandungi hujah kukuh dalam mensabitkan pemansuhan dan penyelewengan Bible. *Al-F^cjaz al-Aisawiy* setebal 773 halaman dengan suntingan al-Qadhi Muhammad Taqiy al-Uthmani, Muhammad Muhtaram Fahim Uthmani dan Husain Ahmad Najib diterbitkan semula pada tahun 1408H/1988M di Lahore, Pakistan.

Keempat, *Ahsan al-Ahadith fi Ibtal al-Tathlith*. Kitab setebal 70 helai halaman ini ditulis dalam Bahasa Urdu pada tahun 1271 Hijriah. Ia mengandungi hujah akliah dan naqliah dalam membatalkan doktrin Trinitas. Kitab ini diterbitkan oleh *al-Matba^cah al-Ridhawiyyah* di Delhi pada tahun 1292 Hijriah.

Kelima, *Al-Buruq al-Lami^cah*. Kitab yang ditulis dalam Bahasa Arab ini membicarakan dalil-dalil kenabian Muhammad SAW berdasarkan Bible. Menurut Muhammad Abd. Al-Qadir Malkawi (1405H, Al-Kairanawi 2001), kitab ini cetakannya tidak dapat diperolehi kerana telah hilang. Kehilangan kitab ini dan karangan-karangnya yang lain oleh al-Kairanawi adalah kerana kesemua kitab-kitab ini adalah karangan al-Kairanawi sebelum berhijrah ke Makkah. Penghijrahan tersebut adalah kerana beliau telah menjadi buruan pihak penjajah. Menurut catatan, penjajah ketika itu turut menghalang penjualan dan percetakan karya-karya al-Kairanawi (Al-Kairanawi 2001).

Keenam, *Ma^cdal F^cwaj al-Mizan*. Sebagaimana yang dinyatakan, al-Syeikh Ali Hassan al-Hindi telah mengarang *al-Istifsar* sebagai kritikan kepada *Mizan al-Haq* karangan Karl Gottlieb Pfander. Kerana itu, Pfander melakukan perubahan kepada *Mizan al-Haq*. *Ma^cdal F^cwaj al-Mizan* yang ditulis dalam Bahasa Urdu ini adalah jawapan dan kritikan Rahmatullah al-Kairanawi kepada *Mizan al-Haq* yang baru. Kitab ini turut hilang.

Ketujuh, *Taqlib al-Mata^cin*. Kitab yang ditulis dalam Bahasa Arab ini adalah jawapan dan kritikan Rahmatullah al-Kairanawi kepada kitab karangan seorang paderi bertajuk *Tahqiq al-Din al-Haq*. Kitab ini turut hilang.

Kelapan, *Mi'yar al-Tahqiq*. Kitab ini adalah jawapan dan kritikan Rahmatullah al-Kairanawi kepada kitab karangan seorang yang telah murtad iaitu Paderi Safdar Ali bertajuk *Tahqiq al-Iman*. Kitab ini turut hilang.

Kesembilan, *al-Bahth al-Sharif fi Ithbat al-Naskh wa al-Tahrif*. Kitab yang ditulis dalam Bahasa Arab ini telah diterbitkan oleh percetakan *Fakhr al-Matabi'* di Delhi. Kitab setebal 56 halaman ini lengkap memperbahaskan persoalan *naskh* (i.i. pemansuhan) dan *tahrif* (i.i. penyelewengan) Bible.

Kesemua sembilan buah kitab yang ditulis oleh Rahmatullah al-Kairanawi ini adalah praktis terbaik dalam melaksanakan dakwah *bi al-mau'izah al-hasanah*. Ini kerana, persekitaran ketika itu dengan propaganda Kristianisasi yang didokongi oleh pihak penjajah sedikit sebanyak menghalang usaha penerangan secara individu atau secara berkumpulan. Justeru, penulisan adalah medium terbaik terhadap sasaran dakwah sama ada terhadap Muslim atau bukan Islam dalam usaha menjelaskan segala kekeliruan.

Al-Mujadalah bi allati hiya ahsan

Al-mujadalah bi allati hiya ahsan bermaksud perbahasan, dialog atau debat dengan cara yang lebih baik. Iaitu perbahasan dengan membantah atau mempertahankan sesuatu pendapat, pendirian dan lain-lain dengan mengemukakan alasan atau hujah dengan cara yang harmoni dan penuh toleransi (Al-Assal t.thn).

Rahmatullah al-Kairanawi dalam mempertahankan Islam telah melalui dua dialog atau perdebatan. Pertama, *al-Munazarah al-Sughra* atau Perdebatan Kecil. Perdebatan ini berlangsung tanpa perancangan ketika al-Kairanawi dan Dr. Muhammad Wazir Khan berpeluang menziarahi Paderi Thomas Valphy French (1825-1889) dan Paderi Kay di Agra. Agra ketika itu merupakan pusat dan kawasan tumpuan utama pergerakan para missionari Kristian. Perdebatan ini berlaku pada bulan Rabiulawal tahun 1270 Hijriah bersamaan Januari tahun 1854 Masihi. *Al-Munazarah al-Sughra* ini berlaku tiga bulan sebelum berlangsungnya *al-Munadharah al-Kubra*. Pertemuan ini telah membincangkan persoalan *tahrif* (i.i. penyelewengan) Bible. Perbincangan dari sudut hujah menyebelahi al-Kairanawi dan Dr. Wazir (Al-Hindi 1996).

Kedua, *al-Munadharah al-Kubra* atau Perdebatan Besar (agung). *Al-Munadharah al-Kubra* berlangsung waktu pagi di *Khan Abd. Al-Masih*, Agra atau *Akbar Abad* pada hari Isnin, 11 dan Selasa 12 Rejab 1270 Hijriah bersamaan 10 dan 11 April 1854 Masihi. Majlis perdebatan ini dihadiri oleh tokoh-tokoh terkemuka daripada kedua-dua belah pihak. Antara tokoh Kristian yang hadir ialah Mosley Smith, hakim Mahkamah Sadr Diwani dan Nizamat, George Christian, Setiausaha Lembaga Hasil Sadr dan William Muir, Setiausaha Kerajaan North Western Province. Manakala tokoh Muslim yang hadir ialah Mufti Riyadh al-Din. Munshi Khadim Ali adalah editor kepada sebuah akhbar tempatan Agra hadir bertanggungjawab dalam bahagian publisiti. Kehadiran orang ramai yang terdiri daripada kaum Muslim, Kristian dan Majusi dianggarkan 500-600 orang (Powell. 1976; Jaffary 1991; Al-Hindi 1996).

Berdasarkan persetujuan dalam surat menyurat di antara al-Kairanawi dan Pfander sebelum perdebatan, Dr. Muhammad Wazir Khan telah ditetapkan sebagai pembantu Syeikh Rahmatullah al-Kairanawi dan Thomas Valphy French sebagai pembantu kepada Reverend

Karl Gottlieb Pfander. Perbincangan mestilah di antara mereka berempat sahaja tanpa campur tangan sesiapa. Isu-isu yang akan dibincangkan mestilah berdasarkan urutan iaitu isu pemansuhan, penyelewengan, ketuhanan al-Masih, doktrin Trinita dan kenabian Muhammad SAW serta kebenaran al-Qur'an (Al-Hindi 1996).

Rahmatullah al-Kairanawi dalam perdebatannya mempraktikkan metode ajaran al-Qur'an iaitu *al-mujadalah bi allati hiya ahsan*. Menurut Muhammad Abd. Al-Qadir Malkawi (1405H), al-Kairanawi dalam perdebatan ini benar-benar mempraktikkan adab Islam dan akhlak seorang ulama. Beliau begitu berlemah lembut dan bertoleransi kepada Pfander dan French. Perkara yang disebutkan jelas dilihat pada kesabaran beliau dengan karenah dan tindak tanduk Pfander dan French yang ke kadang sengaja memotong percakapan beliau dan sengaja melengahkan masa dengan memanjangkan bacaan mereka daripada teks-teks yang dibawa.

Rahmatullah al-Kairanawi begitu beradab sehinggakan beliau terlebih dahulu memohon izin kepada Pfander dan French sebelum mendatangkan hujah-hujah dan contoh-contoh tambahan daripada setiap penjelasannya. Beliau juga tidak menegah apabila kata-kata atau penjelasannya diganggu Pfander dan French. Selain itu, al-Kairanawi tidak membenarkan Dr. Wazir Khan berbicara lebih dari sekali sehinggakan Dr. Wazir Khan mempersoalkan bahawa beliau juga merupakan panel dan pembantu dalam perdebatan tersebut. Inilah antara contoh *al-mujadalah bi allati hiya ahsan* yang ditunjukkan oleh al-Kairanawi (Malkawi 1405H).

KESIMPULAN

Gerakan Kristianisasi diwujudkan bertujuan menyebarkan agama Kristian dan mengkristiankan umat seluruh dunia. Pelbagai kaedah dan strategi yang diatur supaya agama Kristian dapat diterima ramai sama ada ia disampaikan melalui bidang dan khidmat pendidikan, kepakaran akademik, penjagaan kesihatan, khidmat sosial dan lain-lain (Al-Midani 2002a: 53). Dalam Bahasa Arab, gerakan Kristianisasi dibezakan dengan dua istilah; pertama, *al-Tabsyir* iaitu gerakan mengkristiankan dengan menggunakan kaedah propaganda dan rayuan. Kedua, *al-Tansir* iaitu gerakan mengkristiankan dengan menggunakan kaedah kuasa dan kekerasan (Hassan t.thn).

India adalah di antara negara sasaran para missionary Kristian kerana mempunyai bilangan majoriti Muslimin yang besar. Berdasarkan catatan sejarah, setelah menjajah selama 43 tahun, para missionary yang dibawa oleh pihak penjajah British mula memainkan peranan secara terang-terangan. Pelbagai propaganda yang disebar di pasar-pasar, tempat-tempat perhimpunan awam dan jalan-jalan utama. Sehinggakan ada di kalangan para missionary berani mencabar para ulama Islam menjawab segala tohmahan dan tuduhan mereka yang memburukkan Islam. Antara tokoh ulama terkemuka India yang bangkit mempertahankan Islam ketika itu sehingga ke majlis perdebatan ialah Rahmatullah al-Kairanawi (Al-Kairanawi 2001).

Beberapa usaha dan pendekatan dakwah yang dilaksanakan oleh Rahmatullah al-Kairanawi dalam mendepani cabaran Kristianisasi di India. Beliau dilihat mempraktikkan metodologi dakwah seruan al-Qur'an iaitu *al-da'wah bi al-hikmah* apabila mengutus surat-surat kepada Karl Gottlieb Pfander mengajak agar diadakan debat atau dialog secara terbuka. Metode *al-mau'izah al-hasanah* diguna pakai al-Kairanawi dalam usaha beliau menjelaskan

segala tohmahan, kekeliruan dan persoalan yang ditimbulkan para missionary Kristian melalui lebih dari sembilan buah kitab karangan beliau.

Kemuncaknya, berlangsung perdebatan agung lagi bersejarah di antara Syeikh Rahmatullah al-Kairanawi dan Reverend Karl Gottlieb Pfander di *Khan Abd. Al-Masih*, Agra atau *Akbar Abad* pada hari Isnin, 11 dan Selasa, 12 Rejab 1270 Hijriah bersamaan 10 dan 11 April 1854 Masihi. Akhlak, adab dan sikap yang ditunjukkan al-Kairanawi sewaktu berlangsungnya perdebatan adalah contoh terbaik metode *al-mujadalah bi allati hiya ahsan* yang dianjurkan al-Qur'an sebagaimana yang terkandung dalam *al-Nahl* 16:125. Sesungguhnya al-Qur'an adalah petunjuk ke jalan yang lurus dan amat betul serta bagi yang beriman dan beramal soleh ganjaran pahala yang besar (*al-Isra* 17:9).

Situasi yang berlaku di India dengan gerakan Kristianisasi yang didokong oleh pihak penjajah British menuntut umat Islam ketika itu agar bangkit menjelaskan segala kekeliruan dan kecelaruan yang telah ditimbulkan terhadap Islam. Tanpa penerangan yang baik pastinya akan menyebabkan sebahagian umat Islam terpedaya dengan dakyah para masionari. Ini terbukti dengan wujudnya individu di India seperti Paderi Safdar Ali yang murtad lalu mentohmah Islam melalui karangan beliau yang bertajuk *Tahqiq al-Din al-Haq*. Kesimpulannya, apa yang berlaku di India adalah sebahagian daripada contoh yang boleh dijadikan iktibar dan pedoman bagi kita dalam menghadapi cabaran Kristianisasi yang berlaku pada hari ini.

RUJUKAN

- Al-[°]Assal, Khalifah Husain. t.thn. *al-Da[°]wah al-Islamiyyah Madkhal wa Ta[°]rif*. Misr: Universiti al-Azhar.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. 1991. *Al-Qistas al-Mustaqim*. Muhammad Fikur Shalhat (pnyt.). Beirut: Dar al-Mashriq.
- Al-Hindi, al-Sayyid Abdullah. 1417H/1996. *Waqai[°] al-Munadharah allati Jarrat bayna al-Syeikh Rahmatullah al-Hindi wa al-Qissis Fandar al-Ingklizi*. Terj. Rifa[°]i al-Khauili al-Katib. Beirut: Dar al-Bashair al-Islamiyyah.
- Al-Kairanawi, Muhammad Rahmatullah. 1422H/2001. *Izhar al-Haq*. Muhammad Ahmad Muhammad Abd al-Qadir Khalil Malkawi (pnyt.). Jil. 1, 2, 3 & 4. Mesir: Dar al-Hadis.
- Al-Kairanawi, Muhammad Rahmatullah. 1424H/2003. *Izhar al-Haq: Menelusuri Jejak Kitab Suci Lewat Debat Fenomenal*. Terj. Nunu Burhanuddin Alimin. Jakarta: Cendekia Penerbit Kitab Islam Klasik.
- Al-Midani, [°]Abd al-Rahman Hassan Habannakah. 1423H/2002a. *Ajniyah al-Makr al-Thalathah*. Dimasyq: Dar al-Qalam.
- Al-Midani, [°]Abd al-Rahman Hassan Habannakah. 1423H/2002b. *Makayid Yahudiyyah [°]Abr al-Tarikh*. Dimasyq: Dar al-Qalam.
- Al-Zahiri, Ali bin Ahmad Ibn Hazm. 1416H/1996. *Al-Fisal fi al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Nihal*. Muhammad Ibrahim Nasr & Abd. Al-Rahman [°]Umairah (pnyt.). Jil. 1. Beirut: Dar al-Jil.
- Chateler, A. Le. 1398H. *Al-Gharah [°]ala al-Alam al-Islamiy*. Terj. Muhib al-Din al-Khatib & Musa[°]id al-Yafi. Kaherah: Al-Matba[°]ah al-Salafiyah wa Maktabatuha.
- Hassan [°]Abd al-Ra[°]uf & al-Jud, al-Sayyid Abu. t.thn. *Buhuth fi al-Tabsyir wa al-Ishtiraq*. Misr: Universiti al-Azhar.
- Jaffary Awang. 1991. Polemik Islam-Kristian di Agra: Peranan Maulana Rahmat Allah Kairanawi. Disertasi Sarjana Muda. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Kamus Dewan*. 2007. Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malkawi, Muhammad Ahmad Muhammad Abd al-Qadir Khalil. 1405H. *Al-Munazarah al-Kubra bayna al-Syeikh Rahmatullah wa al-Duktur al-Qassis Fandar*. Riyadh: Dar Ibn Taymiyyah li al-Nashr wa al-Tauzi^c wa al-*I*lam.
- Muslim bin al-Hajjaj al-Qushairi al-Naisaburi. 1426H/2005. *Sahih Muslim*. Kaherah: Dar al-Afaq al-Arabiyyah.
- Powell, Ann Avril. 1976. Maulana Rahmat Allah Kairanawi and Muslim-Christian Controversy in India in the Mid-19th Century. *Journal of the Royal Asiatic Society of Great Britain & Ireland*. 1976: 42-63.